**LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH**
Bangunan Ibu Pejabat LPPS,
Jalan Tun Fuad, Tanjung Lipat,
Beg Berkunci No. 2005,
88617 KOTA KINABALU, SABAH,
MALAYSIA.

Telefon : 088-538400 / 635
Faks : 088-223036
Portal Rasmi : *www.lpps.sabah.gov.my*

Fail / *File* : LPPS 100-4/4
Tarikh / *Date* : 10 Oktober 2023 / 10 October 2023

# PEKELILING PELABUHAN BIL. 01/2023
# *PORT CIRCULAR NO.01/2023*

# LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH
# *SABAH PORTS AUTHORITY*

**KEPADA** : **PEMAKLUMAN KEPADA PEMILIK-PEMILIK JETI PERSENDIRIAN, PENGGUNA-PENGGUNA JETI PERSENDIRIAN, PENGENDALI-PENGENDALI MID-STREAM DAN OPERASI SHIP-TO-SHIP**

***TO*** : ***NOTIFICATION TO PRIVATE JETTY OWNERS, PRIVATE JETTY USERS, MID-STREAM, AND SHIP-TO-SHIP OPERATORS***

**PERKARA** : **OPERASI *SUFFERANCE WHARVES***
***SUBJECT*** : ***SUFFERANCE WHARVES OPERATION***

## 1. PELAKSANAAN PEKELILING

Pekeliling ini terpakai kepada semua *sufferance wharves*, merangkumi semua operasi jeti persendirian dan *mid-stream*.

Pekeliling ini adalah semakan ke atas Pekeliling Pelabuhan No. 01/2015 bertarikh 08 Julai 2015. Walaupun terdapat beberapa semakan yang dilakukan, dasar-dasar asas adalah tetap sama. Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan keterangan dan penjelasan yang lebih baik kepada undang-undang, dasar-dasar, dan prosedur yang terpakai dalam operasi *sufferance wharves* di Sabah.

## *1. CIRCULAR IMPLEMENTATION*

*This circular is applicable to all sufferance wharves, comprising all private jetties and mid-stream operations.*

*This circular represents a revision of Port Circular No.01/2015 dated 8th July 2015. While certain revision has been made, the underlying policies remain the same. This circular seeks to provide enhanced clarity and explanation to applicable laws, policies and procedures on sufferance wharves operation in Sabah.*

## 2. TAFSIRAN

"Pelabuhan" ertinya sesuatu tempat yang diisytiharkan oleh Menteri Kerja Raya Sabah sebagai sebuah pelabuhan di bawah Seksyen 3 Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981.

*"Sufferance Wharves"* ertinya mana-mana kawasan pendaratan yang diisytiharkan menjadi pelabuhan di bawah Warta Kerajaan Negeri Sabah Bil.16 Tahun 1977.

## *2. INTERPRETATION*

*"Port" means any place declared by the Minister of Public Works Sabah to be a port under Section 3 of Sabah Ports Authority Enactment 1981.*

*"Sufferance Wharves" means any other approved landing place declared to be port under Sabah State Gazette No.16 of 1977.*

## 3. LATAR BELAKANG

Semua kawasan yang diisytiharkan oleh Menteri Kerja Raya Sabah sebagai pelabuhan di bawah Seksyen 3 Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981 dianggap sebagai pelabuhan yang sah.

Pada masa ini, pelabuhan-pelabuhan di Sabah yang diisytiharkan secara langsung oleh Menteri Kerja Raya Sabah merangkumi seperti yang berikut:

(a) Pelabuhan Kota Kinabalu (termasuk Sapangar Bay Container Port & Sapangar Bay Oil Terminal);
(b) Pelabuhan Sandakan;
(c) Pelabuhan Tawau;
(d) Pelabuhan Lahad Datu;
(e) Pelabuhan Semporna;
(f) Pelabuhan Kudat;
(g) Pelabuhan Kunak; dan
(h) Pelabuhan POIC Lahad Datu.

Mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai pelabuhan melalui pelaksanaan Warta Kerajaan Negeri Sabah No.16 Tahun 1977 dianggap sebagai 'Pelabuhan Tahanan'. Secara umum, Pelabuhan Tahanan termasuk jeti

## *3. BACKGROUND*

*All areas declared by the Minister of Public Works Sabah to be port under Section 3 of Sabah Ports Authority Enactment 1981 are deemed as proper ports.*

*Currently, ports in Sabah declared directly by the Minister of Public Works, Sabah include the following:*

*(a) Port of Kota Kinabalu (inclusive of Sapangar Bay Container Port & Sapangar Bay Oil Terminal);*
*(b) Port of Sandakan;*
*(c) Port of Tawau;*
*(d) Port of Lahad Datu;*
*(e) Port of Semporna;*
*(f) Port of Kudat;*
*(g) Port of Kunak; and*
*(h) Port of POIC Lahad Datu.*

*Any area declared to be ports via invocation of Sabah State Gazette No.16 of 1977 are deemed as "Sufferance Wharves". Typically, sufferance wharves include private jetty and mid-stream operation unless declared directly under section 3 of Sabah Ports*

persendirian dan operasi di tengah sungai, kecuali jika diisytiharkan secara langsung di bawah Seksyen 3 Akta Lembaga Pelabuhan Sabah 1981 sebagai pelabuhan oleh Menteri Kerja Raya Sabah.

*Authority Enactment 1981 as port by Minister of Public Works Sabah.*

**4. TUJUAN *SUFFERANCE WHARVES***

Semua kargo melalui laut yang masuk dan keluar dari Negeri Sabah hendaklah dikendalikan di pelabuhan. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana ia mungkin tidak ekonomik atau praktikal secara logistik untuk jenis-jenis kargo tertentu dikendalikan di pelabuhan. Dalam keadaan sedemikian, Permit *Sufferance Wharves* akan dikeluarkan untuk membenarkan kargo dimuat atau dipunggah di tempat pendaratan yang diluluskan, sama ada di jeti persendirian atau *mid-stream*.

***4. PURPOSE OF SUFFERANCE WHARVES***

*All sea cargoes in and out of the Sabah State are to be handled at the ports. However, there are circumstances where it may not be logistically economical or practical for certain types of cargo to be handled at the port. Under such circumstances, a Sufferance Wharves Permit will be issued in order to allow cargoes to be loaded or unloaded at an approved sufferance wharves, either at a private jetty or mid-stream.*

**5. PERMIT *SUFFERANCE WHARVES***

Di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah 1981, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah untuk mengawal keseluruhan aktiviti pelabuhan. Permit *Sufferance Wharves yang* dikeluarkan adalah bertujuan untuk mengawal seluruh aktiviti *sufferance wharves*. Permit *Sufferance Wharves* adalah diperlukan sebelum operasi jeti persendirian atau *mid-stream* boleh dijalankan.

Permit *Sufferance Wharves* membenarkan pemegang permit untuk memuat dan memunggah kargo mereka sendiri di tempat pendaratan yang diluluskan, sama ada di jeti persendirian atau *mid-stream*. Oleh itu, permit ini merangkumi kebenaran untuk memuat dan memunggah kargo serta tempat pendaratan

***5. SUFFERANCE WHARF PERMIT***

*Under Sabah Ports Authority Enactment 1981, it is the duty of Sabah Ports Authority to regulate all port activities. Sufferance Wharves Permits are issued for the purpose of regulating sufferance wharves and their activities. A Sufferance Wharves Permit is required before loading and unloading of cargo activity can be conducted at private jetty or mid-stream.*

*The Sufferance Wharves Permit allows the permit holder to load and unload their own cargo at an approved Sufferance Wharves, either at a private jetty or mid-stream. The Permit therefore covers permission to load and unload cargo and approval of site for the cargo loading and unloading activity.*

yang diluluskan untuk aktiviti memuat dan memunggah kargo.

Permit *Sufferance Wharves* BUKANLAH permit untuk mengendalikan jeti persendirian. Permit juga BUKAN untuk pemegang permit menawarkan perkhidmatan pelabuhan, termasuk perkhidmatan pengendalian kargo.

Berkuatkuasa serta merta, Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah akan merujuk permit pengendalian kargo yang dikeluarkan bagi maksud kawasan pelabuhan melalui Warta Negeri Sabah Bil.16 Tahun 1977, Permit *Sufferance Wharves.* Permit sebelum ini dengan nama 'Permit Jeti Persendirian' dan 'Permit *Mid-Stream*' tidak akan digunakan lagi.

Semua permohonan Permit *Sufferance Wharves* hendaklah dibuat terus kepada Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah. Sila rujuk laman sesawang dan Panduan Permohonan Permit *Sufferance Wharves* (www.lpps.sabah.gov.my).

*Sufferance Wharves Permit is NOT a permit to operate a private jetty, NOR a permit to offer port services, including cargo handling services.*

*Effective immediately, Sabah Ports Authority will refer the cargo handling permit issued under the invocation of Sabah State Gazette No.16 of 1977 as Sufferance Wharves Permit. The previously used title of 'Private Jetty Permit' and 'Mid-stream Permit' shall no longer be in use.*

*All applications for Sufferance Wharves Permit shall be made direct to Sabah Ports Authority (SPA). Please Refer to Sabah Ports Authority's website and Guidelines for Sufferance Wharves Permit Application (www.lpps.sabah.gov.my).*

## 6. SEKATAN KE ATAS PERMIT *SUFFERANCE WHARVES*

Seksyen 3 (2) Enakmen Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah (Penswastaan) 1998 **melarang mana-mana pihak daripada menjalankan *port undertakings* selain daripada Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah atau pihak yang dilesenkan di bawah Enakmen tersebut**. Sekatan merangkumi semua operasi *sufferance wharves*.

Oleh itu, pemegang Permit *Sufferance Wharves* hanya dibenarkan untuk mengendalikan kargo peribadi mereka sendiri sahaja. Pemegang permit dilarang mengendalikan kargo pihak ketiga.

## *6. RESTRICTION ON SUFFERANCE WHARVES PERMIT*

*Section 3 (2) of Sabah Ports Authority (Privatisation) Enactment 1998* ***prohibits any party from carrying out port undertakings other than Sabah Ports Authority or those licensed under the Enactment****. The stated restriction includes all sufferance wharves operation.*

*Consequently, the Sufferance Wharves Permit holder is only permitted to handle their own private cargo. Permit holders are prohibited to handled third parties' cargo.*

Penyediaan perkhidmatan pelabuhan kepada pihak ketiga, termasuk penyediaan perkhidmatan pengendalian kargo di pelabuhan, jeti persendirian dan *mid-stream*, dianggap sebagai menjalankan *port undertakings* di bawah Enakmen berkaitan. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah dilarang melainkan penyedia perkhidmatan telah di beri kuasa secara bertulis oleh Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah atau lesen pelabuhan telah diperolehi daripada Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah.

*Provision of port services to a third party, including the provision of cargo handling services at port, private jetty and mid-stream at anchor, is considered as carrying out port undertakings services under applicable Enactments. Such services are prohibited unless the service provider has been authorised in writing by Sabah Ports Authority to carry out the port undertakings on behalf of Sabah Ports Authority or a port license has been obtained from Sabah Ports Authority to provide port related services.*

## 7. *SHIP-TO-SHIP (STS) SUPPORT SERVICES*

Perbezaan perlu dibuat bagi ejen - ejen perkapalan atau logistik yang menyediakan perkhidmatan sokongan, termasuk perkhidmatan *tug boat*, *boat fenders*, perkhidmatan tali tambat (*mooring*), perkhidmatan *bunkering*, penyambungan paip, pengendalian kargo di kapal (*stevedoring*) dan sebagainya. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dianggap sebagai urusan pelabuhan. Adalah wajib bagi penyedia perkhidmatan sokongan untuk memohon Permit STS *Support Services* yang berasingan. Pemohon Permit *Support Services* dikehendaki menghantar permohonan bertulis kepada Pejabat Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah.

## *7. SHIP-TO-SHIP (STS) SUPPORT SERVICES*

*A distinction must be made for shipping or logistics agents providing support services, including tug boat services, boat fenders, mooring services, bunkering, pipe connection, stevedoring at vessel etc. These services are deemed as port undertakings. Support services providers are required to apply for a separate STS Support Services Permit. The applicant for STS Support Service Permit is required to write to the office of General Manager of Sabah Ports Authority.*

## 8. PENGELUARAN PERMIT

Pengeluaran Permit *Sufferance Wharves* adalah tertakluk kepada pemohon memenuhi semua pra-syarat yang mengikut Polisi dan Garis Panduan Kelulusan Permit *Sufferance Wharves* Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah.

Semua syarat-syarat perlu dipenuhi sebelum Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah mempertimbangkan permohonan permit.

## *8. ISSUANCE OF PERMIT*

*Issuance of Sufferance Wharf Permit by Sabah Ports Authority is subject to applicants meeting all required prerequisites in accordance with Sabah Ports Authority's Sufferance Wharf Permit Approval Policy and Guidelines.*

*All conditions must be fulfilled before Sabah Ports Authority considers a permit*

Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah tidak mempunyai sebarang obligasi untuk meluluskan setiap permohonan permit. Setiap permohonan Permit *Sufferance Wharves* akan dipertimbangkan kes demi kes dan berdasarkan pada keperluan dan dasar yang boleh dibenarkan. Kelulusan Permit *Sufferance Wharves* adalah hak prerogatif tunggal Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah.

Permit yang dikeluarkan adalah berkuatkuasa permit dikeluarkan sehingga akhir tahun kalendar dan perlu diperbaharui empat (4) bulan sebelum tamat tempoh permit. Pembaharuan permit tertakluk kepada pematuhan kepada semua terma dan syarat permit. Kelulusan lepas bukan jaminan untuk kelulusan pembaharuan permit.

*application. Sabah Ports Authority is under no obligation to approve every permit application. Each application will be considered on a case-to-case basis and, on a need and justifiable basis. Approval of the Sufferance Wharf Permit is the sole prerogative of the Sabah Ports Authority.*

*All permit issued will be effective from the date of issuance to the end of the calendar year, and is required to be renewed four (4) months before the expiry of the permit. Permit renewal is subject to the fulfilment of all terms and conditions of a permit. Past approval is not a guarantee for renewal approval.*

## 9. BAYARAN PERMIT

Bayaran Permit *Sufferance Wharves* adalah berdasarkan tahun kalendar dan perlu diperbaharui setiap tahun. Bayaran pro-rata tidak diterima. Semua pemohon yang berjaya dikehendaki membayar caj permit sebelum pengeluaran permit. Yuran Permit Sufferance Wharves adalah berdasarkan kepada jadual yang berikut:

| JUMLAH KENDALIAN BAGI SATU (1) TAHUN (MT) | CAJ BAYARAN BAGI SATU (1) TAHUN |
|---|---|
| 500,001 dan keatas | RM 4,000.00 |
| 100,001 - 500,000 | RM 3,000.00 |
| 50,000 - 100,000 | RM 2,000.00 |
| 50,000 kebawah | RM 1,000.00 |
| Permit Baharu | RM 1,000.00 |

## *9. PERMIT FEE*

*The Sufferance Wharves Permit fee is per calendar year, renewable annually. Pro-rata fee is not applicable. All successful applicants are required to pay the permit fee prior to the issuance of the permit. The Sufferance Wharf Permit fee is based on the following schedule:*

| *TOTAL CARGO HANDLED FOR ONE (1) YEAR (MT)* | *PERMIT FEE FOR ONE (1) YEAR* |
|---|---|
| 500,001 *and above* | RM 4,000.00 |
| 100,001 - 500,000 | RM 3,000.00 |
| 50,000 - 100,000 | RM 2,000.00 |
| *Below* 50,000 | RM 1,000.00 |
| *New Permit* | RM 1,000.00 |

**10. KEWAJIPAN PEMEGANG PERMIT**

Adalah kewajipan untuk semua pemegang Permit *Sufferance Wharves* mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan Permit *Sufferance Wharves* Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah.

***10. DUTY OF PERMIT HOLDER***

*It is the duty of all Sufferance Wharves Permit holders to adhere to all terms and conditions stated in Sabah Ports Authority's Sufferance Wharves Permit Approval Letter.*

**11. KEGAGALAN MEMATUHI**

Kegagalan mematuhi terma dan syarat permit boleh mengakibatkan penggantungan operasi, penarikan atau pembatalan permit.

***11. FAILURE TO COMPLY***

*Failure to comply with the terms and conditions of the permit may result in suspension of operation, withdrawal, or revocation of a permit.*

**12. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**

Adalah tanggungjawab pemegang permit untuk memastikan bahawa semua aktiviti *sufferance wharves* adalah mematuhi Enakmen Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah 1981, Enakmen Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah (Penswastaan) 1998 Peraturan-Peraturan (Skala Dius dan Caj) Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah 1977, Warta Kerajaan Negeri Sabah Bil.16 Tahun 1977, dan undang-undang lain yang berkenaan, yang sedia ada atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

***12. COMPLIANCE OF LAWS***

*It is the responsibility of the permit holder to ensure that all sufferance wharves activities are in compliance with Sabah Ports Authority Enactment 1981, Sabah Ports Authority Enactment (Privatisation) 1998, Sabah Ports Authority (Scale of Dues and Charges) Regulations 1977, Sabah State Government Gazette No. 16/1977, and other applicable laws, existing or imposed upon from time to time.*

**13. CAJ PELABUHAN**

Semua kapal dan pengirim di *Sufferance Wharves* (jeti persendirian dan *mid-stream*) dikehendaki membayar semua yuran dan caj yang terpakai di bawah Peraturan-Peraturan (Skala Dius dan Caj) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1977. Tarif yang terpakai ketika ini adalah yang berikut:

***13. PORT CHARGES***

*All vessels and shippers at Sufferance Wharves (private jetty and mid-stream) shall be required to pay all applicable dues and charges under Sabah Ports Authority (Scale of Dues and Charges) Regulations 1977. The current applicable tariff includes the following:*

**Bahagian II Akaun Kapal:**
Item Tarif No.1 : **Dius Pelabuhan**
RM0.10 setiap GRT (*Gross Registered Ton*)

Item Tarif No. 6 : **Caj Pelabuhan Am**
Bagi setiap kargo yang dihantar atau dimuat oleh sebuah kapal di *sufferance wharves* akan dikenakan RM0.70 setiap tan atau sebahagian daripadanya

**Bahagian III Akaun Pengirim dan Penerima**
Item Tarif No. 32 : **Caj Am Pelabuhan**
Bagi setiap kargo yang dihantar atau dimuat oleh sebuah kapal di *sufferance wharves* akan dikenakan caj RM0.60 setiap tan atau sebahagian daripadanya. Melainkan diarahkan sebaliknya oleh Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah, semua dius dan caj yang terpakai perlu dibayar kepada Sabah Ports Sdn Bhd (*Operator* Pelabuhan) mengikut prosedur yang terpakai.

***Part II Account Vessel:***
*Tariff Item No.1 :* ***Port Dues***
*RM0.10 per GRT (Gross Registered Ton)*

*Tariff Item No. 6 :* ***General Port Charges***
*For every cargo shipped or discharged by a vessel at sufferance wharves will be charged RM0.70 per tonne or part thereof*

***Part III Account Shipper and Consignee***
*Tariff Item No. 32 :* ***General Port Charges***
*For every cargo shipped or discharged by a vessel at sufferance wharves will be charged RM0.60 per tonne or part thereof. Unless directed otherwise by Sabah Ports Authority, all applicable dues and charges are to be paid to Sabah Ports Sdn Bhd (Port Operator) in accordance with applicable procedure.*

**14. PENGISYTIHARAN KAPAL DAN KARGO**

Adalah wajib bagi semua pemegang Permit *Sufferance Wharves* untuk mengemukakan Borang A (Notis Ketibaan) dan Manifest Masuk/Keluar kepada Sabah Ports Sdn Bhd dan Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah.

Salinan fotokopi atau salinan imbasan daripada Borang A (Notis Kedatangan) dan Manifest Masuk/Keluar boleh dihantar kepada Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah melalui e-mel di unitoperasi@lpps.com.my atau faks di 088-257502 / 088-223036.

***14. DECLARATION OF VESSEL AND CARGO***

*It is mandatory for all Sufferance Wharves Permit holders to submit Form A (Notice of Arrival) and Inward/Outward Manifest to Sabah Ports Sdn Bhd and Sabah Ports Authority.*

*Copied or scanned copies of Form A (Notice of Arrival) and Inward/Outward Manifest can be sent to Sabah Ports Authority via email at unitoperasi@lpps.com.my or fax at 088-257502 / 088-223036.*

**15. PENALTI KERANA KEGAGALAN MEMBAYAR DIUS DAN CAJ PELABUHAN**

Di bawah Seksyen 59(1) Enakmen Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah 1981, mana-

***15. PENALTY FOR FAILURE TO PAY PORT DUES AND CHARGES***

*Under Section 59(1) of Sabah Ports Authority Enactment 1981, any master or*

mana kapten atau pemilik mana-mana kapal, atau mana-mana pemilik, penerima barang atau penghantar barang mana-mana barangan yang, dengan apa cara sekalipun, mengelak atau cuba mengelakkan pembayaran sebarang dius atau caj pelabuhan akan dikira sebagai melakukan kesalahan dan boleh dihukum dengan denda berikut:

a) Denda sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja);
b) Penjara selama enam (6) bulan; dan
c) Hukuman tambahan akan dikenakan gandaan jumlah dius atau caj pelabuhan yang dielakkan atau cuba dielakkan.

*owner of any vessel, or any owner, consignee or consignor of any goods who, by any means whatsoever, evades or attempts to evade payment of any port dues or charges shall be guilty of an offence and liable to the following fine:*

*a) Fine of RM1,000.00 (Ringgit Malaysia One Thousand Only);*
*b) Imprisonment for six (6) months; and*
*c) Further penalty will double the amount of port dues or charges evaded or attempted to evade.*

**16. PENALTI BAGI PENGISYTIHARAN PALSU**

Mana-mana individu yang membuat pengisytiharan palsu atau perakuan palsu dalam apa-apa pengembalian, borang atau dokumen yang diperlukan bagi tujuan Enakmen Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah 1981, sama ada dengan pengetahuan atau secara cuai, akan dianggap sebagai melakukan kesalahan di bawah Seksyen 60 Enakmen tersebut. Kesalahan sedemikian boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

a) Denda sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja);
b) Penjara selama enam (6) bulan; dan
c) Bagi kes kesalahan yang berterusan, denda tidak melebihi RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) untuk setiap hari atau sebahagian hari di mana kesalahan tersebut diteruskan selepas tarikh sabitan.

***16. PENALTY FOR FALSE DECLARATION***

*Any person who makes a false statement or false declaration in any return, forms or documents required for the purpose of Sabah Ports Authority Enactment 1981, either knowingly or recklessly shall be guilty of an offence under Section 60 of the Enactment. Such offence can be liable to the following penalties:*

*a) Fine of RM1,000.00 (Ringgit Malaysia One Thousand Only);*
*b) Imprisonment for six (6) months; and*
*c) In case of a continuing offence, a fine not exceeding RM50.00 (Ringgit Malaysia Fifty Only) for every day or part of a day during which the offence is continued after the date of a conviction.*

**17. PEMANSUHAN**

Dengan ini, Pekeliling Pelabuhan Bil.01/2015 bertarikh 08 Julai 2015 adalah dimansuhkan.

***17. REPEAL***

*With this, Port Circular No.01/2015 dated 08th July 2015 is hereby repealed.*

**18. PENGUATKUASAAN**

Pekeliling Pelabuhan Bil.01/2023 bertarikh **10 Oktober 2023** adalah dengan ini menggantikan Pekeliling Pelabuhan Bil.01/2015 sebelum ini berkuatkuasa bermula **10 Oktober 2023.**

***18. ENFORCEMENT***

*This Port Circular No.01/2023 dated **10 October 2023** is hereby replacing the previous Port Circular No.01/2015 with effect from **10 October 2023.***

**19. KESIMPULAN**

Lembaga Pelabuhan - Pelabuhan Sabah memohon kerjasama sepenuhnya dari semua pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan dasar dan pemakaian prosedur berkenaan operasi *sufferance wharves* yang lancar.

***19. CONCLUSION***

*Sabah Ports Authority seeks the full cooperation of all parties involved for the smooth implementation of all applicable policies and procedures on sufferance wharves operation.*

Sebarang pertanyaan berhubung notis ini boleh diajukan kepada:

**Dollyn Aloysius**
**Penolong Pengurus Besar (Operasi)**
**No. Tel : 088-538406 / 019-8208187**
**Fax: 088-223036**
**Emel : dollyn@lpps.com.my**

*Any enquiries relating to the notice may be directed to the following:*

**Dollyn Aloysius**
**Assistant General Manager (Operation)**
**No. Tel : 088-538425 / 019-8208187**
**Fax: 088-223036**
**Email : dollyn@lpps.com.my**

Sekian, terima kasih / *Thank you.*

**[ KHAIRI BIN ALIAS ]**
Pengurus Besar / *General Manager*
LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH / *SABAH PORTS AUTHORITY*